

Dr. Mahathir puji prestasi Perodua Kelisa

SEPANG 31 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memuji prestasi kereta Perodua Kelisa yang bukan sahaja memberikan saingan tetapi juga berjaya menghabiskan Perlumbaan Lasak Merdeka Milenium 2001.

Perdana Menteri berkata, kereta itu merupakan sebuah kereta yang baik dan boleh memecut laju dengan mudah.

"Saya pun memandu Kelisa juga pagi ini ketika saya pergi ke perarakan (sambutan Hari Kemerdekaan ke-44) dan prestasinya cukup baik.

"Ia adalah kereta yang baik," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Perlumbaan Lasak Merdeka Milenium 2001 di Litar F1 Sepang di sini, hari ini.

Dalam perlumbaan yang berlangsung selama lebih 12 jam itu, tiga buah Kelisa mengambil bahagian dengan masing-masing memenangi tempat kedua, kelima dan keenam dalam kategori D.

Kelisa tempat kedua yang dipandu oleh Garry Chua, Lim Leong Onn dan Low Sou Chian itu menamatkan 217 pusingan atau lebih 1,193 kilometer dalam masa 12 jam 2 minit dan 11 saat.

Kelisa merupakan model kelima Perodua yang dilancarkan pada 24 Ogos lalu.

Mengenai sambutan orang ramai terhadap sukan bermotor, Perdana Menteri berkata, sukan itu sudah berhasil menunjukkan perkembangan baik dengan kejayaannya menarik minat ramai orang.

"Walaupun masih ada juga lumba haram tetapi nampaknya ia sudah berkurangan dengan adanya sukan bermotor ini dan ia adalah satu perkembangan yang sihat," katanya.

Tambahnya, bagi menggalakkan lagi sukan bermotor, kerajaan sedia menimbangkan sebarang cadangan yang diajukan oleh para peserta bagi memudahkan lagi perkembangan sukan itu.

Perdana Menteri berkata,

beliau juga berpuas hati dengan penganjuran pertandingan lasak tersebut kerana ia boleh memberikan sumbangan untuk meningkatkan kualiti produk berkaitan motor.

"Saya diberitahu pengeluar tayar dan lain-lain begitu berminat untuk melihat prestasi produk mereka dan tentunya ini akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan kualiti barangan mereka," katanya.

Perlumbaan seperti itu juga, tambahnya, boleh menyumbang untuk meningkatkan nama dan kualiti pengeluaran kenderaan tempatan yang mengambil bahagian.

"Kita (Proton) telah mencatat kemenangan konsisten dalam perlumbaan rali, sekarang kita mahu (menang) dalam perlumbaan lasak dan mungkin juga perlumbaan kelajuan," tegasnya.